



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 42/2020 dari 11 Oktober hingga 17 Oktober 2020)

Pada minggu ke-42, kes Demam Denggi menunjukkan peningkatan sebanyak 73 kes (6.6%) iaitu sebanyak 1,180 kes dilaporkan berbanding 1,107 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak lima (5) kematian akibat komplikasi Demam Denggi juga dilaporkan. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 80,590 kes berbanding 106,660 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 24.4% (26,070 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 133 kematian berbanding 153 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 20 kematian (13.1%) **(Lampiran A & C)**.

Kes mingguan Demam Denggi pada minggu ke-42 yang mula menunjukkan tren peningkatan merupakan amaran awal bahawa kes akan mengikuti tren peningkatan seperti tahun sebelumnya yang dijangka bermula pada akhir Oktober sehingga tahun hadapan. Setiap lapisan masyarakat bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) perlu bersiap siaga dan bertindak dengan meningkatkan kempen pemeriksaan cari dan musnah tempat pembiakan secara sendiri oleh pemilik premis.

Jumlah lokaliti hotspot pada minggu ke-42 berkurang kepada 24 lokaliti berbanding 27 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Negeri Selangor melaporkan majoriti (75.0%) lokaliti hotspot iaitu 18 lokaliti dari keseluruhan 24

lokality hotspot, di ikuti tiga (3) lokality hotspot (12.5%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokality hotspot (8.3%) di Negeri Sembilan dan satu (1) lokality hotspot (4.2%) di Melaka (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 29 kes pada minggu ke-42 dengan sebanyak 13 kes adalah dari Negeri Pulau Pinang, lima (5) kes dari Negeri Johor, masing-masing empat (4) kes dari Negeri Kedah dan Melaka serta tiga (3) kes dari Negeri Perak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,306 (**Lampiran E**). Bagi surveilans Zika, sebanyak 1,488 sampel darah dan 21 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Bagi kawasan yang diisytihar berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), gerakkanlah ahli keluarga di rumah untuk terus melakukan pembersihan persekitaran bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes secara sendiri. Luangkanlah masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk memeriksa bahagian dalam rumah seperti kolah air, pelapik rak pinggan, serta bekas takungan penapis air agar bebas dari pembiakan Aedes.

Pastikan kawasan luar rumah bebas dari bekas-bekas takungan air buatan seperti baldi, botol atau tin terpakai mahupun takungan semulajadi seperti di celah daun yang boleh menakung air seperti daun pisang atau di celah tunggul kayu yang sering menjadi tempat Aedes membiak. Selain itu, penyelia rumah ibadat seperti masjid/surau, tokong, kuil, gereja dan sebagainya perlu melakukan penyelenggaraan premis dengan membubuh bahan pembunuh jentik-jentik di kawasan berpotensi menakung air.

Walaupun berada dalam tempoh PKPB, individu dengan gejala demam disertai sakit badan dan sendi, sakit kepala, ruam, sakit perut dan muntah perlu segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat terutamanya jika berada di kawasan wabak Denggi. Maklumat berkenaan lokality wabak atau hotspot Denggi


boleh diperolehi di facebook CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia atau di laman sesawang iDengue di <https://idengue.mysa.gov.my>. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


**27 Oktober 2020**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 41 dan ke- 42 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 42 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-42 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2020  
(11 Oktober hingga 17 Oktober 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 42/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 42/2019	
		Minggu Epid 42 (11 Oktober – 17 Oktober 2020)		Minggu Epid 41 (4 Oktober – 10 Oktober 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	0	0	79	0	262	0
2	Kedah	9	0	15	0	723	0	1,400	5
3	P. Pinang	24	0	13	0	878	2	3,735	9
4	Perak	21	0	20	0	2,502	3	2,538	4
5	Selangor	481	0	439	0	40,279	36	59,001	50
6	WP KL & Putrajaya	156	0	145	0	9,386	7	13,242	8
7	N. Sembilan	50	0	40	0	2,600	8	1,903	8
8	Melaka	74	0	60	1	2,328	7	1,751	6
9	Johor	229	4	237	0	9,951	39	9,037	23
10	Pahang	59	1	63	0	2,742	8	2,095	8
11	Terengganu	7	0	4	0	349	0	500	2
12	Kelantan	16	0	26	0	3,730	6	4,894	7
13	Sarawak	13	0	6	0	1,398	2	1,921	2
14	Sabah	38	0	39	0	3,639	15	4,348	21
15	WP Labuan	0	0	0	0	6	0	33	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,180</b>	<b>5</b>	<b>1,107</b>	<b>1</b>	<b>80,590</b>	<b>133</b>	<b>106,660</b>	<b>153</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 42/2020  
(11 Oktober hingga 17 Oktober 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Scot Pine Bdr Sg Long	12	77
2	SELANGOR	H/Langat	Jln 6/5 Seksyen 6 BB Bangi	20	73
3	N SEMBILAN	Seremban	Tmn Bukit Margosa (Jln 6 - Jln 18)	18	73
4	WPKL	Cheras	Pangsapuri Sri Malaysia	12	56
5	SELANGOR	H/Langat	Jln 3/23-28, 3/35-37 Sek 3 BB Bangi	32	53
6	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor)	7	49
7	SELANGOR	H/Langat	Jln 4/5 Seksyen 4 BB Bangi	9	45
8	SELANGOR	Petaling	E14. Tmn Kinrara Jln Tk 5 (Flat Tmn Mawar)	7	45
9	SELANGOR	Petaling	E4. Seksyen U1 (Teres D : Jln U1/80-83)	10	45
10	SELANGOR	H/Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	9	43
11	WPKL	L/Pantai	Taman Sri Sentosa (Jln 1,1b,2,2b/133)	5	42
12	WPKL	L/Pantai	Petaling Indah Kondo Fasa 2 (Blok 10 & 12)	7	40
13	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 28 (Teres A - Jln. 28/2 - 28/10)	8	40
14	SELANGOR	H/Langat	Jln Kesuma 5/11,5/11a-5/11d Bdr Tasik Kesuma	12	39
15	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	6	38
16	MELAKA	M/Tengah	Kuarters Penjara Sungai Udang	17	37
17	SELANGOR	H/Langat	Appt Plaza Indah Taman Sepakat Indah	11	34
18	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Makmur Saujana Impian	17	34
19	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bunga Melur Taman Suria Jaya	5	34
20	SELANGOR	H/Langat	Permai Puteri Condo Tmn Dato Ahmad Razali	7	33
21	SELANGOR	H/Langat	Flat Seksyen 2 Jalan 2/4 BB Bangi	7	33
22	SELANGOR	H/Langat	Jln Cj 2,Cj8,Cj10&Cj11 Tmn Cheras Jaya	9	32
23	SELANGOR	Petaling	E6. Bl Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti (1) [A,B,C,D,E,F,G]	4	31
24	N SEMBILAN	Seremban	Taman Jasmin	7	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 42/2020 (17 Oktober 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	Kangar	1	1
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	2 3 8 3 45 2 2 2	67
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	205 809 22 46 4	1,086
4	Perak	Batang Padang Hilir Perak Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 1 3 165 1 579 49 113 13 2 2	989
5	Selangor	Klang Gombak Petaling	2 1 2	5
6	WPKL & P	Kepong Titiwangsa	2 1	3
7	Johor	Muar Johor Bahru Segamat	13 2 1	16
8	Pahang	Bera Cameron Highland	1 1	2
9	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat Pasir Mas Pasir Puteh	5 105 3 2 2 9 2 2	130



10	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah Jasin	5 1	6
<b>JUMLAH</b>			<b>2,306</b>	

